

SADONG, SEKRANG DAN SARIBAS: KUBU KEPERWIRAAN PATRIOT PUTERABUMI SARAWAK MENENTANG IMPERIALISASI BROOKE, 1842-1861

Nordi Achie

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mail: nordi@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas ini merupakan lanjutan daripada kertas awalan yang bertajuk, “Percaturan Politik dan Strategi Politiking dalam Perebutan Kuasa di Sarawak, 1841-1846” (dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 5, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, Selangor, 21-22 April 2020). Menerusi wacana siri kedua ini, penulis terus merungkai kelincahan dan kelicikan protagonis politik (patriot dan penjajah) yang pernah bergelut dalam kancah pertempuran di Sarawak (1842-1861), khususnya membabitkan proses kesejarahan (menang atau kalah) dan strategi taktikal perang yang digunakan oleh patriot Sarawak ketika menentang kolonialisasi regim Brooke. Begitu juga sebaliknya. Kesemuanya ini dapat diperjelas dengan menggunakan kaedah dan analisis pensejarahan ilmiah. Menerusi makalah ini, penulis akan mencerakan seni (strategi dan taktik) perang yang membabitkan dua medan pertempuran yang sangat sengit. Pertama, pertempuran berdarah di Sadong dan kawasan sekitarnya, membabitkan pakatan antara patriot Melayu-Arab, Melayu-Brunei dan Iban. Kedua, pertembungan berdarah di Saribas, Sekrang dan kawasan sekitarnya, melibatkan pakatan antara Syarif Sahab, Pangiran Mahkota dan para hulubalang Iban. Naratif sejarah ini disampaikan secara sederhana, dengan mengambil ingatan, betapa pentingnya hikmah di sebalik pelbagai siri pertempuran getir dan sengit yang terketut antara patriot dan penjajah di Bumi Kenyalang. Lantaran itu, penulis menggarap setiap gerak nafas percaturan dan gegaran nadi pertembungan politik yang rumit dalam proses sejarah yang menarik untuk ditelusuri, seperti disentuh selanjutnya.

Kata Kunci: Strategi Perang; Percaturan Taktikal; Sejarah Sarawak

1. PENGENALAN

Politik ialah panglima; kuasa merupakan pedang bersarungkan muslihat. Di mana ada politik, di situlah ada politiking. Dalam lipatan sejarah Sarawak, selain politiking dalam isu penyerahan Sarawak (pasca-Perang Dunia II), topik yang disentuh menerusi wacana ini memperlihatkan keperwiraan patriot-patriot puterabumi Sarawak yang bangkit menentang regim kolonial Brooke dengan darah dan nyawa mereka sendiri. Sebelum itu, harus difahami proses berlakunya pertapakan kuasa James Brooke (JB) sebagai Raja Sarawak (1839-1842) dan pengasasan dinasti Brooke (1841-1941). Ini merupakan proses rumit yang membabitkan percaturan strategi politik empat penjuru antara Pangiran Muda Hasyim (PMH), Pangiran Mahkota (PM), Datu Patinggi Ali (DPA) dan JB, bahkan mengandungi iktibar kesejarahan yang menarik untuk direnungkan, seperti dikupas menerusi makalah terdahulu. Kembali kepada topik tuas wacana ini: perhatikan tiga aspek berikut. Pertama, tidak ada patriot anti-Brooke yang menyerah diri kepada regim kolonial Brooke. Kedua, mereka bertempur habis-habisan sehinggalah ke titisan darah yang terakhir, biarpun mereka kalah (sama ada mereka dijadikan tahanan politik, mati dalam buangan negeri atau mati di tempat persembunyian). Ini merupakan fakta sejarah yang sangat mengagumkan, jika direnung sejenak. Demi hak anak watan dan maruah tanah air, darah dan nyawa tidak lagi berharga di sisi mereka. Ketiga, kelicikan muslihat dan kelincahan imperialisasi (khususnya cita-cita imperialistik) Brooke untuk membina empayar Raja Putih di Sarawak merupakan proses yang sukar dan memakan masa yang panjang akibat penentangan yang bertali

arus dan bertubi-tubi daripada patriot-patriot Bumi Kenyalang. Tesis ini akan dibuktikan selanjutnya.

2. PAKATAN SYARIF BERSAUDARA: BIAR HIDUP BERKALANG TANAH, JANGAN MATI BERKALANG BANGKAI

Sejarah zaman penjajahan Barat selama 300-500 tahun ialah sejarah yang ditulis oleh kuasa-kuasa Barat. Sejarah bangsa terjajah dan wilayah jajahan, merangkumi dua benua yang amat luas (Afrika dan Asia), ditulis mengikut kemahuan dan kepentingan penjajah Barat – sudah semestinya! Bangsa penjajalah yang berkuasa menulis semula sejarah. Beginilah bentuk dan pengisian sejarah dunia jajahan Barat dalam rentang waktu yang sangat genting dan getir ini. Perlu ditegaskan, sumber penjajah bukanlah wahyu yang diturunkan dari langit. Oleh itu, setiap sudut lakaran sejarah dan seluruh helaian lembaran sejarah bangsa jajahan telah ditulis mengikut kemahuan dan kepentingan penjajah Barat. Lantaran itulah, kita harus membaca sumber-sumber penjajah dengan kritisisme, bukan dengan meneguk mentah-mentah dan menjilat bulat-bulat segalanya yang dimuntahkan oleh tekak penjajah selama 300-500 tahun itu. Siapakah penjajah? Penjajah ertinya pencuri. Pencuri merupakan pembohong. Justeru, kita harus menilai semula motif dan perspektif penjajah dengan sangat teliti dan waspada demi menoreh kebenaran sejarah yang sebenarnya, namun bukanlah dengan penuh curiga dan syak wasangka, bahkan sumber-sumber tempatan juga tidak terlepas daripada kelemahan manusiawi. Sejarah yang amat mengaibkan ialah sejarah yang ditulis dengan perangai bobrok: asalkan siap, asalkan boleh bentang, asalkan boleh terbit atau asalkan boleh lulus. Sedarlah, inilah masanya keadilan sejarah mesti ditegakkan dengan jujur, berani dan lantang. Semua bangsa jajahan seharusnya menulis semula sejarah bangsa dan negara mereka dengan kritis. Adil terhadap penjajah dan adil terhadap mangsa penjajahan.

Kembali kepada tujuh wacana. Pilihlah kerugian yang jernih (derita sementara), berbanding keuntungan yang kotor (derita selamanya). Setelah menawan hati pembesar-pembesar Melayu di Sarawak, JB menjujukan mata tajamnya ke arah musuh-musuh politiknya berketurunan syarif (Melayu-Arab). JB cemburu dan gelisah dengan pengaruh golongan syarif di Sadong, khususnya Syarif Sahap (SS). Sekitar awal 1842, JB sengaja memancing kemarahan SS dengan menuduh SS mengupah Dayak Darat (Bidayuh) mencetuskan huru-hara di Kuching. Mereka diarahkan membunuh, merompak dan membakar rumah-rumah penduduk (Abdullah Zakaria Ghazali, 2000: 4). SS menafikan pertuduhan ini. Terdapat tiga justifikasi. Pertama, SS tidak pernah mengotori dirinya dengan dosa-dosa besar, seperti didakwa sumber kolonial. Kedua, golongan syarif sangat disanjung orang Melayu Sarawak kerana mereka dipercayai berketurunan Nabi Muhammad (SAW). Mustahil SS tergamak mencemari reputasi golongan syarif dan keturunan nabi dengan membunuh, merompak dan membakar. Ketiga, fitnah ini dilemparkan JB untuk mengusir SS dari Sadong kerana SS mempunyai pengaruh yang besar terhadap orang Melayu dan Iban di sana. Jika SS masih berpengaruh di Sadong, nyawa dan kuasa JB juga tidak selamat di Kuching. Begitu juga dengan SS. Sejak kunjungan JB buat pertama kalinya ke Sadong pada 1839 (setelah JB menghadap PMH, sebelum JB berangkat ke Singapura), SS berasa amat sangsi dengan kelibat politik JB. Daripada raut wajah JB, SS dapat mengesani aura darah. Firasat SS sangat tepat. Justeru, janji PMH untuk melantik JB sebagai Raja Sarawak turut menggugat kedudukannya di Sadong. SS harus berwaspada tanpa perlu membangkitkan makar berdarah,

tetapi jika JB berani menjual, SS tidak cuak membeli – darah berbayar darah. Inilah sumpah patriot.

Sebelum berangkat pulang ke Singapura, JB turut mendakwa beliau pernah diserang Iban Saribas pada waktu malam. Ketika itu, JB dan kapal perang Royalist masih berada di Sadong, selepas mengunjungi SS di sana (Muhammad Isa Othman, 1999: 116-117). Dakwaan ini sangat diragui kebenarannya. Pertama, jarak dari Saribas ke Sadong sangat jauh – jika berperahu, memakan masa berhari-hari lamanya. Kedua, Iban Saribas tidak menetap di Sadong, tetapi JB mendakwa Iban Saribas menyerangnya di Sadong. Dakwaan ini lebih meragukan daripada meyakinkan. Ketiga, serangan dilancarkan pada waktu malam. Bagaimana JB dapat membezakan dengan jelas antara Iban Sadong dengan Iban Saribas? Keempat, ketika belayar di Sadong (Samarahan dan Lundu), JB diiringi Paduka Raja, tetapi dakwaan ini tidak pernah disahkan Paduka Raja. Jika benar dakwaan JB, adakah serangan ini turut didalangi pembesar lain, seperti PM? Tidak mustahil dakwaan ini hanyalah opera politik yang diperalatkan JB untuk menghapuskan musuh-musuh politiknya di Sarawak pada tahun-tahun berikutnya, dengan menggunakan dalih untuk menghapuskan lanun. Selain itu, tindakan JB meneruskan pelayarannya ke Samarahan, Lundu dan Sadong (sebelum balik ke Singapura) mempunyai motif politik tersembunyi – sungai dan tanah ini suatu hari kelak akan menjadi miliknya. Sebelum menguasai kawasan tersebut, JB meninjaunya sendiri sebagai persediaan awal untuk melancarkan perluasan kuasanya nanti. Kelima, mustahil SS menyerang JB pada malam itu kerana JB merupakan tetamu SS. Dari sudut adat Melayu dan ajaran Islam, tetamu harus dilayan dengan mulia, bukan ditumpahkan darahnya.

Bagaimanapun, menyedari bahaya dan bahana JB di Sarawak, SS telah melancarkan propaganda anti-Brooke. SS menyerang sebelum diserang. Sebagai pemimpin yang berpengaruh di Sadong, kebangkitan SS merebak dalam kalangan orang Melayu dan Iban. Dengan bantuan Orang Kaya Pemanca Dana (Bayang), SS menyerang JB di Kuching pada 1842, namun serangan mengejut ini dapat dipatahkan JB dengan sokongan DPA dan para pembesar Melayu di Kuching, tanpa mengabaikan kekuatan Royalist dan Swift. Meskipun senjata perang JB lebih canggih berbanding SS, namun penentangan ini berterusan sehingga 1844. SS sangat liat dan lincah untuk ditewaskan. Biarpun beliau berundur, SS tidak pernah menyerah kalah. Sejak lawatan pertamanya di Sadong, JB telah mendapat gambaran mengenai tahap kekuatan SS. Inilah agenda politik tersembunyi di sebalik kunjungan JB ke Sadong. Bagi JB, SS mesti diusir dari Sadong dengan kadar segera supaya SS tidak akan dapat menyerang JB daripada arah belakang (jika JB berada di luar Sarawak atau sedang bertempur di luar Sarawak), atau melakukan serangan hendap ke atas JB ketika beliau menyerang wilayah di luar Sarawak (suatu hari nanti). Pertimbangan strategik JB sangat tepat. JB mencantas sebelum dicantas. Itulah strategi politik.

Antara tiga syarif ini, SS paling dimusuhi JB kerana kedudukan Sadong paling hampir dengan Kuching, berbanding Sarikei, Saribas dan Sekrang. JB hanya berjaya menumpaskan SS setelah mendapat bantuan daripada kapal perang Phlegethon. SS berundur sehingga ke Sungai Lingga (Muhammad Rakawi Yusuf, 1932: Fasal 25). Dalam proses sejarah selanjutnya, Lingga merupakan tapak penting bagi SS untuk menyekat kemaraan regim kolonial Brooke. Perluasan kuasa politik JB menjadi lebih rancak setelah JB mendapat bantuan daripada Tentera Laut Diraja British (berpangkalan di Singapura) pada 1845, selepas JB dilantik sebagai agen British di Borneo. Dengan bantuan tentera elit British (HMS Dido, Phlegethon dan Jolly Bachelor),

pengalaman bertempur dengan tiga syarif (1842-1844), di samping intensiti sokongan DPA, pengikut Melayu dan Iban, keyakinan JB mencanak tinggi. JB tidak sabar-sabar lagi untuk menakluki kawasan Iban, Melayu dan Melanau di luar sempadan Sarawak. Di sini, kemaraan JB ditentang dengan lebih hebat oleh perwira Iban, pendekar Melanau dan pahlawan Melayu.

Ekoran kegagalan SS dalam serangan awalnya terhadap JB di Kuching, SS dan Pangiran Mahkota (pembesar Brunei anti-Brooke yang hilang taring kekuasaannya di Sarawak) telah berundur ke Batang Lupa. Mereka berangkat meninggalkan Sadong. Strategi pengunduran yang selamat telah dirintis dengan teliti lebih awal. Mereka berundur bukan kerana menyerah, tetapi untuk menyusun semula langkah penentangan. SS dan Pangiran Mahkota (PM) berkubu di Pemutus, bergabung dengan Iban di sana. Sementara itu, Syarif Mullar (saudara Syarif Sahap) berkubu di Undup. Ketika itu, Syarif Jaafar (SJ) juga dipercayai berpakat dengan SS, Syarif Mullar (SM) dan PM. Di sisi mereka, JB merupakan dajal bermata biru yang akan menggugat empayar Melayu-Islam Brunei. Telahan ini sememangnya berasas berdasarkan fakta sejarah. Dalam tempoh 20 tahun (1841-1861), sekitar separuh daripada empayar Kesultanan Melayu Brunei telah remuk ranap ke tangan regim Brooke. Ini bukanlah tempoh yang singkat. Sementara manusia mengejar keuntungan, manusia pula dikejar masa. Pada 1844, armada JB dan tentera elit British, dengan bantuan strategi Pangiran Badaruddin dan DPA dapat menewaskan pakatan SS, Syarif Mullar dan PM di Pemutus dan Undup dalam pertempuran yang sengit (Muhammad Rakawi Yusuf, 1932: Fasal 25). JB berasa lega, namun agak tertekan kerana gagal membunuh atau memberkas musuh politiknya. JB sedar proses selanjutnya akan menjadi semakin sukar. Bagi SS, kekalahan ini merupakan titik permulaan demi melancarkan langkah-langkah serangan penebusan. Ketiga-tiga patriot ini terus berundur ke Lingga untuk mendapatkan perlindungan (suaka politik) daripada Syarif Jaafar (Muhammad Rakawi Yusuf, 1932: Fasal 21). Semakin mereka berundur, momentum penentangan mereka semakin keras.

JB menyedari hakikat ini. Lantas, JB memperkukuh intensiti ketenteraannya dengan bantuan tentera elit British. Tanpa melengahkan masa, JB terus merempuh Lingga. JB sedar tiga syarif ini dan PM bagaikan rumput kering: semakin dipijak semakin kuat. JB nekad untuk menghapuskan mereka. Jika mereka terlepas, mereka seumpama harimau kembali ke guanya. Serangan hebat ini mengakibatkan PM berundur ke Kalimantan, namun ditangkap Belanda, dibawa ke Kuching dan dihantar pulang ke Brunei dengan kapal perang Phlegethon (Buyong Adil, 1974: 39). Peristiwa ini memberikan dua mesej kritikal kepada sultan Brunei. Pertama, isyarat ancaman terhadap mana-mana pembesar dan bangsawan Brunei yang berani menentang JB dan British. Kedua, cita-cita dan kegiatan imperialisasi JB turut disokong oleh penjajah Belanda di Kalimantan. Syarif Jaafar dipecat sebagai penguasa Lingga dan dihukum tahanan daerah di Sadong (Muhammad Rakawi Yusuf, 1932: Fasal 25). JB sentiasa cemas dengan SJ. Jika dia ditahan di Kuching, SJ terlalu dekat dengan JB. Jika dia ditahan di Lingga, SJ terlalu jauh daripada JB. Lantaran itulah, SJ ditahan di Sadong. Ketiga-tiga syarif ini merupakan tragedi traumatik bagi JB. Dengan ini, SJ merupakan tahanan politik yang pertama dalam sejarah politik Sarawak. Motifnya, untuk membendung ancaman anti-Brooke. JB sengaja menahan SJ di sana sebagai lambang kekalahan golongan syarif di tangan JB. Namun, keturunan dan pengikut SJ di Sadong tetap tidak memberikan taat setia kepada JB. Mereka menyembunyikan dendam berdarah terhadap JB. Pembalasan dendam ialah keadilan yang liar. Ketika propaganda anti-Brooke

dicanang Syarif Mullar di Sadong, mereka bangkit semula untuk menentang JB – lawan tetap lawan.

SS gagal diberkas dan meninggal dunia di Pontianak hatta pihak Belanda di sana juga gagal mengesan tempat persembunyian SS. Syarif Mullar pula berpura-pura menyerah diri dan diizinkan menetap di Sekrang. Mereka tidak dihukum bunuh agar orang Melayu dan Iban tunduk hati terhadap JB. Namun, segala sesuatu ada kelemahannya. Belum pun lama berada di Sekrang, Syarif Mullar bangkit semula menentang JB. Kini, Syarif Mullar berpakat dengan Syarif Ahmad dan Syarif Abu Bakar. Ini satu lagi kecuaiannya JB: beliau hanya nampak ikan-ikan yang berenang di permukaan, namun JB tidak memerhatikan ikan-ikan yang bersembunyi di kedalaman dasar air. Dengan bantuan Iban dari Sekrang pimpinan Apai Beragai, mereka bersegera melancarkan satu lagi serangan hebat ke atas JB di Kuching (1845), tetapi serangan ini dapat dipatahkan JB dengan bantuan Iban Balau dan Melayu Sarawak. Meskipun Apai Beragai (ketua Iban Sekrang) terkorban dalam pertempuran sengit ini, namun kekuatan tentera Brooke turut merosot dengan teruk. Begitu juga dengan kekuatan tentera Syarif Mullar. Beliau meninggal dunia di Sekrang (Mohd Isa Othman, 1999: 116-117). Inilah resam pahlawan – menang atau mati. Kejayaan menumpaskan PM dan tiga syarif belumlah melegakan hati JB kerana patriot anti-Brooke ini bagaikan lalang, dicantas satu tumbuh sepuluh, ditumpas tiga berbangkit tiga. Di depan JB, sedang menunggu tiga patriot terbilang iaitu Rentap, Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Ghaffur. Kesemua patriot ini membuatkan JB amat kelelahan, namun imperialis dan diplomatis yang hebat ini tidak pernah berputus asa. Roda peredaran zaman kian memihak kepadanya, tetapi segala sesuatu tidak ada yang mudah bagi JB.

3. ABANG APONG, LINGGIR DAN PANGLIMA MUJJAH: HUTANG DARAH DIBAYAR DARAH

Seawal 1842, JB membuka langkah untuk memperluas wilayah politik dinasti Brooke ke luar Sarawak. Pertama – strategi ketenteraan, JB membina kubu-kubu pertahanan yang kukuh di Sungai Sekrang, Lingga dan Kanowit. Kedua – strategi kewangan, semua penduduk dikenakan cukai keluar dan cukai masuk, selain cukai beras dan cukai garam (A.M. Cooper, 1968: 1-7). Tidakkah orang Iban di Saribas dan Sekrang berasa tercabar dengan keangkuhan Raja Putih ini? JB baru saja dilantik sebagai pemerintah Sarawak, tetapi JB terlalu kemaruk untuk menundukkan orang Iban di sekitarnya. JB bagaikan helang yang terbang untuk menerkam mangsanya. JB sengaja menanam tembilang (alat penggali kubur) di tanah orang terbilang. Serangan awalnya terhadap Syarif Sahap-Pangiran Mahkota di Pemutus dan Lingga ibarat menghantar keranda kepada ketua-ketua Iban di Saribas dan Sekrang. Apakah reaksi ketua-ketua Iban? Orang Iban tidaklah berpangku lengan berpeluk tubuh. Mereka sudah bersiap-siaga dengan sumpit beracun untuk membunuh helang liar yang takbur itu, manakala di belakang mereka pula, disiapkan bakul-bakul untuk menyimpan kepala-kepala imperialis bongkak.

Serangan awal JB telah dilancarkan pada 1843. Sasaran JB ialah Iban Saribas di Padeh dan Layar. JB dibantu sekitar 300 orang Melayu dan 400 orang Iban, diketuai DPA. Ketika itu, permusuhan dan dendam berdarah sesama Iban sangat tajam. Tidakkah menghairankan apabila JB berjaya memperlakukan orang Iban untuk membunuh sesama Iban. Ketika JB menyerang Padeh dan Layar, orang Iban dari Lingga pimpinan Syarif Jaafar (SJ) memberikan bantuan kepada JB kerana Iban dari Saribas (Padeh dan Layar) merupakan musuh tradisi kepada Iban di

Lingga. Syarif Jaafar (SJ) pula dengan licik mahu menggunakan tangan JB untuk menumpaskan musuh politiknya. Ketika itu, SJ turut menyedari cita-cita imperialistik JB. Malah, dengan adanya DPA di sisi JB, SJ sedar JB bukanlah calang-calang diplomatis dan imperialis. JB bersahabat dengan DPA untuk menurapi cita-cita imperialistiknya. Dengan bantuan SJ, JB dapat menumpaskan Iban di Padeh dan Paku dalam siri-siri pertempuran yang getir (Buyong Adil, 1974: 33). Di sini, SJ dan JB bertemu sebagai sekutu politik, namun beberapa bulan sesudah itu, mereka bertempur sebagai seteru politik. Mereka bertemu sebagai rakan, berpisah sebagai lawan. Dalam pada itu, kemenangan JB merupakan ancaman berbahaya kepada ketua-ketua Iban di Saribas dan Sekrang, termasuklah pahlawan parang panjang Iban bernama Rentap. Rentap sedar suatu hari nanti beliau pasti bertempur dengan Raja Putih yang kemaruk kuasa itu. Nama sebenar Rentap ialah Libau. “Rentap” bermakna Penggegar Dunia. Apabila Rentap berjaya menumpaskan serangan Brooke dua kali berturut-turut di Bukit Sadok, Rentap diberikan gelaran Raja Hulu.

Seterusnya, kemenangan di Padeh dan Layar menyemarakkan lagi semangat JB untuk menyerang Iban di Karangan (30 batu dari muara Sungai Sekrang). Serangan ini berlaku pada 1844. Ini merupakan antara kubu terkuat Iban. Pasukan elit DPA menjadi perintis serangan, JB memberikan bantuan daripada belakang, bersama kapal perang HMS Dido dan Phlegethon. DPA lebih mengarifi pertempuran di sungai berbanding dengan JB. Takdir tidak dapat dimungkiri. DPA terbunuh dalam pertempuran yang sengit ini, bersama 29 orang Melayu dan Iban. JB amat terkejut menerima berita malang ini seakan-akan tercabut jantung daripada dadanya. Tambah menyedihkan, buat pertama kalinya, JB dan armada elit British dimalukan oleh perwira Iban di Karangan. JB terpaksa berundur ke Kuching dalam suasana berkabung. Biarpun JB merupakan imperialis licik, namun beliau tidaklah melupakan kesetiaan, keberanian dan kebijaksanaan DPA. Tanpa sokongan DPA dan para pembesar Melayu Sarawak, belum tentu JB berjaya mengasaskan dinasti Brooke dan memperluas wilayah kekuasaannya. Tanpa sokongan DPA, sukar untuk JB mematahkan komplot PMH dan PM. Hutang budi dibalas budi. Dalam konteks ini, DPA merupakan tokoh politik Melayu yang mempunyai tiga wajah. Pertama, ketika DPA menentang JB, DPA merupakan patriot. Kedua, tatkala beliau berdamai dengan JB, DPA merupakan diplomatis. Ketiga, setelah DPA menjadi tangan kanan JB, DPA bertindak sebagai agen imperialis. Di sisi JB pula, DPA ialah sahabat yang setia dan sekutu politik yang taat. DPA sanggup menggadaikan nyawanya lebih daripada waris-waris JB sendiri. Demi membalas budi DPA, JB mengangkat Abdul Ghaffur (menantu DPA) sebagai penggantinya; tetapi tanpa disedari JB, perlantikan Abdul Ghaffur seumpama menuangkan racun ke dalam mulut JB sendiri. Apakah kesudahannya?

4. KESIMPULAN

Tidak ada sejarah tanpa manusia dan tidak ada manusia tanpa sejarah. Tanpa sejarah, manusia bagaikan mayat hidup. Sejarah ialah akar segala ilmu. Sejarah ialah ibu kebijaksanaan (hikmah dan iktibar). Berdasarkan kupasan sederhana ini, kita dapat mencungkil pelbagai iktibar yang maha penting. Pertama, kemestian berwaspada dengan semua bentuk anasir asing. Jangan sekali-kali terpedaya dan termakan dengan perangkap dan umpan anasir asing, betapa pun halus dan manisnya. Jerat tidak melupakan pelanduk. Kedua, bahaya fitnah politik yang dilemparkan terhadap tokoh patriot tempatan. Fitnah dapat mencemarkan reputasi rakan mahupun lawan.

Fitnah merupakan senjata propaganda berbisa yang diperalatkan James Brooke untuk menundukkan puterabumi patriotik yang berani menentang panji imperialisme regim Brooke. Dengan fitnah, semua motif jahat dan keji boleh dihalalkan. Ketiga, andai menang jangan bermegah, biar kalah jangan menyerah. Inilah sumpah perjuangan puterabumi patriotik di Sarawak. Benar bahawa hampir dalam semua pertempuran berdarah, mereka kalah di tangan Brooke dan British. Namun, semua patriot puterabumi Sarawak tidak pernah menyerah kalah. Ini merupakan semangat sebenar jihad dalam sejarah yang benar-benar luar biasa. Keempat, bahaya perpecahan dalaman akibat persaingan politik bobrokisme. Puncanya, mereka terlalu dikuasai egoisme politik. Situasi inilah yang mengakibatkan Syarif Jaafar (pada awalnya) sanggup bersekongkol dengan James Brooke untuk menumpaskan Iban di Saribas. Dendam tidak dapat dibayar dengan dendam. Kelima, perlu diakui sejujurnya, James Brooke mempunyai keperibadian mulia yang wajar diteladani. James Brooke sangat bijak mengambil hati para pemimpin dan puterabumi Sarawak. Contohnya, James Brooke tidak menjatuhkan hukuman mati terhadap musuh-musuh politiknya dan beliau sanggup menghentikan serangannya serta-merta sebagai menghormati ketertewasan Datu Patinggi Ali dalam pertempuran maut di Karangan. Meskipun demikian, firasat James Brooke tidaklah setajam firasat Syarif Sahab. James Brooke telah melakukan kesilapan yang sangat besar, malah nyaris menghancurkan dinasti Brooke sendiri apabila James Brooke mengangkat Abdul Ghaffur sebagai Datu Patinggi Sarawak. Kesemuanya ini merupakan mutiara sejarah yang amat wajar dijadikan sebagai umbi perpegangan sepanjang hayat.

5. RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali (2000). "Gerakan Awal Penentangan Kolonialisme Di Sarawak". Kertas Kerja Simposium Sejarah Sarawak. 16-17 Ogos. Persatuan Sejarah Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak: Kuching.
- Buyong Adil. (1974). *Sejarah Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Cooper, A.M. (1968). *A Men of Sarawak*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
- Mohd. Isa Othman. (1999). *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 Dan Awal Abad Ke-20*. Utusan Publications & Distributors: Kuala Lumpur.
- Muhammad Rakawi Yusuf. (1932). *Hikayat Sarawak*. Sarawak Printing Company: Kuching.